

## Program anak angkat beri impak positif



Antara peserta yang menyertai program anak angkat di Kampung Alor Limbat.

SH 29/07/08 Pg.114

### KAMPUNG ALOR LIMBAT -

Siri masuk kampung melalui program anak angkat dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswa diharap dapat memberi pengalaman berbeza yang boleh dimanfaatkan.

Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, Engku Azman Sayed Mohd berkata, pihaknya sentiasa melihat ia sebagai program yang amat bermakna dan menyeronokkan untuk diikuti.

"Program ini amat menyeronokkan dan peserta tentunya mendapat pengalaman baru yang berbeza suasana, adat resam serta budaya.

"Contohnya, pengalaman

bersama dengan penduduk Orang Asli dan pedalaman yang selama ini dilihat sukar dan asing, pastinya memberi input baru serta pendedahan mengenai banyak perkara yang kita belum pernah lalui.

"Perbezaan inilah yang menjadikan program sebegini unik dan menarik untuk diikuti dan seterusnya diteladani peserta," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program Wawasan Desa IPT di Bangunan Komuniti Bestari Kampung Alor Limbat di sini, semalam.

Majlis tersebut anjuran Pejabat Belia dan Sukan Daerah Marang dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu

(UMT), Kolej Inforana serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Alor Limbat.

Ia turut dihadiri Pegawai Belia dan Sukan Daerah Marang, Mohd Shamsir Mohd dan Penghulu Kanan Alor Limbat, Ismail Zainal.

Jelas beliau, matlamat utama program itu adalah untuk membangunkan modal insan yang berkualiti, khususnya masyarakat desa daripada aspek pembangunan nilai Prihatin, Mahir dan Dinamik.

"Saya mengharapkan hubungan erat yang terjalin akan berterusan seterusnya memberi output berkesan kepada semua," ujarnya.